



Lori membawa pelbagai jenis sampah buangan industri dan domestik di tapak pelupusan sampah haram di Semenyih. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

10 tapak sampah haram di Semenyih jejas kualiti udara

Alat pengukur zarah halus kesan agen genotoksiti, tingkat risiko penyakit kronik

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

Semenyih: Kira-kira 10 lokasi pembuangan dan pembakaran sampah secara haram dikesan masih aktif di sekitar Semenyih, antara penyumbang utama pencemaran udara di daerah itu.

Alat pengukur zarah halus bersaiz 2.5 mikrometer atau PM2.5 di kawasan itu menunjukkan bacaan yang membimbangkan di persekitaran dan kehadiran agen genotoksiti iaitu bahan yang boleh meningkatkan risiko kanser dan penyakit kronik.

Antara penyakit kronik yang membimbangkan hasil agen berkekenaan adalah paru-paru, asma, kanser, membantut pembesaran otak kanak-kanak, mengganggu penghamilan dan kesihatan bayi dalam kandungan.

Selain itu, penduduk terdedah ancaman kesihatan daripada sumber lain seperti kegiatan kuari, industri penapisan minyak, pembuatan aluminium dan pembuatan makanan yang melepaskan bahan pencemar udara.

Hasil aduan awam, wartawan

Laporan Khas

BH melakukan tinjauan ke beberapa lokasi pembuangan serta pembakaran sampah haram dan mendapati aktiviti itu dilakukan di tanah kosong berhampiran penempatan penduduk dan Sungai Semenyih.

Ketika tinjauan, wartawan terserempak dengan dua lelaki dipercayai menjaga kawasan itu dan menegur jurufoto yang sedang merakamkan gambar.

Rakaman menerusi dron mendapati pembuangan dan pelupusan sampah haram dilakukan berhampiran perumahan di bandar Rinching, Tasik Kesuma, Eco Majestic, Ecohill, Tenderfill serta sepanjang Sungai Semenyih.

Tinjauan BH juga mendapati antara sampah yang dibuang dan dibakar adalah sisa kayu bahan binaan, plastik, getah dan sofa menjadi antara penyumbang pencemaran udara.

Pembakaran plastik menghasilkan gas berbahaya seperti asid hydrochloride, sulfur dioxide, dioxin serta debu PM2.5.

Wartawan turut meninjau kawasan perindustrian Beranang dan tapak memproses minyak masak serta mendapati bau yang sangat kuat sekitar kawasan itu.

Terdapat kajian tempatan di lokasi terbabit menunjukkan kehadiran gas isobutene yang berbahaya dilepaskan daripada kegiatan industri menggunakan re-

lau, dandang dan cecair melalui proses kalibrasi instrumen.

Asap dan kesan kegiatan berkenaan dan pencemaran udara kronik jelas kelihatan di pagar rumah penduduk berhampiran.

Sumber memberitahu, ada segelintir lokasi pembakaran tanah persendirian yang ada permit membawa masuk tanah oleh Pejabat Tanah dan Galian, tetapi didapati ia disalah guna kerana turut menyeludup masuk pelbagai jenis sampah buangan industri dan domestik untuk menjalankan pembakaran haram secara komersial.

Di sebalik isu itu, katanya, penduduk pula berdepan masalah bau asap, bau minyak sawit, bayu bangkai dan bau pembakaran sampah setiap hari kerana jarak lokasi pelupusan dengan perumahan antara 50 meter hingga 100 meter sahaja.

"Kegiatan ini dilakukan oleh kontraktor bersindiket yang menerima sampah daripada pemaju perumahan serta industri dengan mengenakan harga serendah RM50 satu tong.

"Kegiatan ini semakin berleluasa sehingga pernah 400 lori masuk dalam sehari kerana mereka mampu meraih pendapatan sehingga RM20,000 sehari.

"Berbanding sampah dikutip oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mengenakan anggaran caj RM130 setiap tong sampah oleh kontraktor pelupusan sampah ke pusat pelupusan PBT, kontraktor pelupusan untung lebih banyak dengan menghantar ke lokasi haram," katanya.